

# Pertanian masih jadi sektor paling penting

WALAUPUN negeri Terengganu kini terkenal sebagai sebuah negeri pengeluar minyak dan sudah tentu terbabit dalam bidang industri secara meluas, tetapi sektor pertanian masih menjadi sektor yang paling penting kepada rakyat negeri.

Meskipun hasil pertanian tidak dapat mengahasi hasil daripada royalti minyak, sektor pertanian tetap penting dalam usaha memberi sumber pendapatan dan peluang pekerjaan kepada sejumlah besar rakyat Terengganu.

Memandangkan hakikat ini, Kerajaan Negeri tetap memberi perhatian kepada sektor pertanian terutama kepada sektor pertanian terutama memperkenalkan pelbagai teknologi baru untuk meningkatkan keluaran dan mutu hasil tani.

Hari ini pelbagai jenis teknologi diperkenalkan baik di segi bawah sehingga ke peringkat perusahaan yang besar iaitu sehingga kepada ke peringkat perladangan.

Usaha pertanian secara ladang mungkin hanya tertumpu kepada penanaman kelapa sawit dan getah, tetapi petani tetap diberi peluang mendapatkan teknologi yang baru dari peringkat semainan sehingga kepada peringkat pengeluaran hasil dan pasaran.

Sempena Ekspo 10 Tahun Pembangunan Negeri Terengganu, satu pameran pertanian secara besar-besaran turut diadakan di Padang Hilliran di Kuala Terengganu.

Di situ juga akan menjadi tempat perasmian ekspo di mana Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad akan merasmikannya kira-kira jam 4 petang.

Di pusat pameran itu, 103 gerai disediakan untuk mempamerkan pelbagai jenis hasil pertanian sama ada yang masih di peringkat semainan sehingga kepada pengeluaran hasil dan juga kepada pemprosesan.

Selain daripada gerai pameran, ada juga gerai-gerai jualan barang-barang hasil pertanian yang sudah diproses seperti sayur-sayuran, daging dan ikan.

Di situ ada juga gerai-

---

Oleh PENULIS KHAS

---

bagai jenis pertandingan yang bersangkutan dengan hasil pertanian.

Antara pertandingan di pusat itu ialah satu pertandingan wau cantik, naik yang dibuat oleh para petani. Pertandingan itu akan diadakan sepanjang pameran enam hari.

Sementara sektor lain pula terbahagi kepada sembilan sektor iaitu gerai A, sayuran dan sawit dan sayuran berdaun, A2 sayuran buah-buahan dan A3 sayuran berubi seperti kunyit, keledak, keladi dan lain-lain.

Bahagian B — tanaman yang mengeluarkan hasil daripada akar dan bermusim seperti ubi kayu, jagung, ubi merah dan yang sejenis dengannya.

## Terbaik

Gerai C akan mempamerkan buah-buahan yang bermusim dan tidak bermusim yang ada di negeri Terengganu seperti rambutan, durian, kelubi dan sebagainya.

Gerai C2 pula meliputi buah-buahan yang dikategorikan sayur dan yang boleh dibuat ulam seperti petai, jering, kerdas, belimbing dan lain-lain.

Bahagian D akan mempamerkan pelbagai jenis pisang, sama ada pisang asli negeri Terengganu dan juga pisang kacukan yang baru ditemui yang ditanam oleh petani.

Gerai E meliputi tanaman kekal yang menjadi punca pendapatan tetap petani di negeri ini turut dipamerkan seperti kelapa sawit, koko, kopi, getah dan beberapa jenis lagi.

Sementara bahagian terakhir meliputi gerai-gerai pameran padi yang ada di negeri Terengganu sama ada daripada jenis huma sehingga kepada

Jika tidak berlaku sebarang perubahan di gerai ternakan, orang ramai akan dapat menyaksikan selembu, kerbau kacukan, lembu kacukan dan pelbagai jenis peliharaan yang popular.

Tetapi sekiranya penyakit kuku dan mulut berleluasa, binatang seperti kerbau, lembu dan selembu tidak akan dibawa kecuali kambing, ayam dan binatang peliharaan yang tidak terbit dengan penyakit itu sahaja akan dipamerkan.

Kepada orang ramai sudah tentu akan menjadi satu perkara yang tidak mudah dilupakan kepada pameran ekspo ini, kerana sebelum ini tidak ada satu ekspo sebesar ini diadakan di negeri Terengganu yang memabitkan keseluruhan jabatan dan agensi kerajaan.

Sebelum ini dalam tahun 1980, satu ekspo perdagangan negeri Terengganu pernah diadakan di tapak yang sama, tetapi hanya memabitkan sektor perdagangan negeri.

Pameran ekspo lima hari di Padang Hilliran itu dikira amat penting kepada golongan petani di negeri Terengganu, kerana mereka dapat menyaksikan perkembangan pertanian yang begitu pesat sekali dalam masa 10 tahun negeri Terengganu membangun.

Jika 10 tahun lalu petani hanya dilihat dengan perbagai jenis tanaman yang tidak bermutu dan sekarang pameran akan menjelaskan kepada orang ramai bahawa pembangunan negeri Terengganu membawa perubahan besar kepada masyarakat tani.

Dalam industri pertanian yang kini sudah semakin popular, petani merasa satu perkembangan baru dan ia akan